

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KOMPLEKS MATSUSHITA, SUNGAI WAY, SELANGOR PADA 6HB DISEMBER, 1973

Tuan Pengerusi Majlis, Mr Arataro Takahashi, Chairman of the Board of Matsushita Company, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Terlebih dahulu sukaiah saya mengucapkan berbanyak terima-kasih kepada pihak Matsushita khasnya kepada Mr Takahashi, yang telah bersusah payah menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Kompleks Matsushita ini.

Seperti dimaklum, Kompleks ini mengandungi dua buah kilang iaitu Matsushita Industrial Corporation dan Matsushita Electronic Component, dan kedua-dua kilang ini mempunyai special significance dalam ertikata kedua-duanya adalah export-oriented dan yang julung-julung mengambil tapak kilang di Sungai Way Free Trade Zone ini. Bolehlah dikatakan kedua-dua syarikat ini menjadi pelupur pembangunan kawasan baru ini.

Sebenarnya, Syarikat Matsushita tidaklah asing di negara kita ini terutama sekali barang-barang buatan yang diberi trade mark 'National'—samada radio transistor, television, refrigerator and especially for the ladies—their inevitable hair-dryer. Semenjak Matsushita Company mendirikan kilangnya yang pertama di Shah Alam tahun 1966 dulu, bukan saja pengguna-pengguna kita mendapat munafaat dari usaha syarikat ini, lebih-lebih lagi pula mereka yang lazimnya mengikuti share market index of the Straits Times setiap pagi. Pendek kata, Matsushita ataupun National pada hari ini menyeluruhi kehidupan rakyat am baik yang diam di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar. Thus it is time to say that Matsushita through their products or the National trade mark is known in every household in Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sukaiah mengambil kesempatan ini menyatakan pujian kepada Matsushita Co. atas inisiatif mereka bekerjasama dalam kemajuan perindustrian negara ini. Mulai daripada projeknya yang asal iaitu Kilang Matsushita Electric di Shah Alam, adalah jelas

bahawa syarikat ini melaksanakan dasar Kerajaan mengenai guna tenaga manusia dan pembahagian pekerjaan kepada kaum Bumi-putra, di samping membukakan peluang penyertaan modal saham atau share capital kepada rakyat Malaysia. I am happy to note that the Company adheres to government policy in giving employment to local people and we very much appreciate the steps taken by the Company to train our local boys in Japan so that they can play a useful role on their return.

Besides Matsushita Electric is the First Japanese enterprise to make available its shares to the Malaysian public. Since then, many others have followed suit and this I am sure is a good thing for all of us.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Buat diri saya sendiri, peristiwa hari ini sedikit sebanyak ada mempunyai hubungan yang istimewa oleh kerana semasa lawatan saya ke Negeri Jepun akhir tahun 1971 dulu, memberi saya kesempatan untuk menemui Japanese industrialists and entrepreneurs, antaranya Mr Takahashi sendiri. Hasil dari perjumpaan saya itulah Matsushita Company membuat keputusan meluaskan lagi bidang operasinya sepertimana yang dibuktikan oleh kedua-dua Matsushita Industrial Corporation dan Matsushita Electronic Component ini.

Saya lebih-lebih berpuashati dengan dasar dan corak export-oriented kedua-dua syarikat ini dan saya dapati MAICO sudahpun mengeksport air-conditioners kepada lebih kurang tiga puluh negara termasuk Jepun, Eropah, Amerika Tengah, Australia, Asia Barat dan negara-negara jiran yang berdekatan. Waktu ini, 75% daripada pengeluaran MAICO sebanyak 10,000 unit sebulan diekspot keluar negeri dan tidaklah hairan kalau target eksport kepada lebih 100 negara pada tahun hadapan akan dapat dicapai. Satu perkara yang juga menarik hati ialah sebahagian besar dari component air-conditioners itu seperti compressor, motor dan condenser diperbuat di kilang ini sendiri yang mana menunjukkan taraf kecekapan teknik dan kemahiran pekerja-pekerja kita yang sudah meningkat tinggi.

Syarikat satu lagi iaitu Electronic Components yang membuat electrolytic capacitors dan lain-lain bahagian penting bagi alat-alat elektrik seperti refrigerator juga telah mulai mengeksport pengeluarannya ke Negeri Jepun dan United States sejak dua bulan ini, dan

dijangka akan membawa pendapatan foreign exchange lebih \$1 juta hingga akhir tahun.

Tidak syak lagi penyertaan Jepun dalam bidang perindustrian di Malaysia telah jauh berubah maju berbanding dengan tahun-tahun enam puluhan dulu. Saya ingin melihat sikap yang progresif dan pandangan yang jauh ini akan membawa mutual benefit yang berlipat ganda bagi Japanese entrepreneurs serta mengekalkan imej yang baik bagi mereka dan Negeri Jepun amnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti dimaklum, kemajuan yang telah kita capai setakat ini adalah memuaskan, terutama di bidang perindustrian. Bagaimanapun adalah azam kita hendak meningkatkan lagi perkembangan di bidang ini dalam usaha kita hendak menyusun semula masyarakat supaya menjadikan masyarakat Malaysia maju dan moden dengan pengetahuan sains dan teknologi.

Dalam hubungan ini, saya sekali lagi mengulangi appeal kepada overseas investors to respond positively to the exciting challenge offered by Malaysia. There are vast potentials for new industries in the newly opened areas in Pahang Tenggara, Johor Tenggara and Trengganu Tengah and in the Jengka Triangle where we hope to build a new industrial society of young Malaysians; the emergence of a new generation of our people who are imbued with real and spirit of modern pioneers of the industrial era. We look to our friends from Japan, from Europe, from Canada and the United States to help achieve this objective.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Matsushita Company serta dua syarikat yang berkenaan atas penghormatan merasmikan Complex yang besar dan penting ini. Tidak lupa juga ucapan terimakasih kepada kakitangan kedua-dua syarikat yang telah mengaturkan upacara sambutan dan persiapan bagi majlis yang permai ini dan saya percaya mereka akan berusaha lebih keras menjaga nama baik syarikat ini serta meninggikan kebolehan mereka pada masa hadapan.

Dengan kata-kata itu, saya sukacita merasmikan pembukaan Matsushita Industrial Corporation dan Matsushita Electronic Component sambil berharap semuga kedua-dua syarikat ini akan terus maju jaya pada tahun-tahun akan datang.